

Seni bina mempesona

*Sentuhan tradisional Muzium Negeri Terengganu
pasti membuat pengunjung terpukau*


>>Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

WALAPUN acap kali mengunjunginya, penulis tidak pernah jemu ke sana. Selain bahan sejarah yang dipamerkan, keunikan konsep reka bentuk dan seni binanya dengan sentuhan tradisional itu tidak akan membuat pengunjung bosan.

Dirasmikan pada 20 April 1996, Muzium Negeri Terengganu di kawasan seluas 27 hektar di Kampung Bukit Losong, Kuala Terengganu itu mempunyai sesuatu yang menarik untuk pengunjung.

Melangkah ke pekarangan kompleks Muzium Negeri Terengganu, reka bentuk bangunan itu menjadi salah satu kelebihan muzium terbesar di Malaysia ini.

Ber cerita mengenai konsep dan reka bentuknya yang memukau itu, ia diilhamkan Raja Datuk Kamal Bahin



Metro 14/7/2011 MS 2.

TRADISI...alat muzik tradisional antara yang dipamerkan di Muzium Negeri Terengganu.

UNIK...konsep dan reka bentuknya membuatkan sesiapa saja terpukau melihatnya.

Raja Datuk Kamarul Bahrin Shah.

Ada tiga pertimbangan utama dibuat dalam merealisasikan reka bentuk bangunan utama Kompleks Muzium Negeri Terengganu.

Peringkat awal, objektif rupa bentuk muzium itu lebih menurus kepada cita-cita untuk mewujudkan bangunan yang menggambarkan seni bina Melayu tempatan.

Justeru, reka bentuk Rumah Tele atau Rumah Bujang Berserambi dipilih.

Ciri utama reka bentuk seni

bina ialah 'fascia' hadapannya yang dikenali sebagai pemeleh dan dinding panel berukir.

Selain itu, ia direka bentuk untuk memberikan gambaran seakan-akan ia berdiri di atas tiang dengan ruang masuk melalui tangga yang terangkat seperti rumah tradisional di kampung.

Kedua, perancangan susun atur ruang yang diputuskan dalam aspek pembinaan bangunan utama ini mengandungi 4 blok yang bersambung dengan ruang

'communal' berfungsi sebagai laman pameran.

Rangkaian bangunan yang bersambung itu menggambarkan satu keluarga yang besar berakar umbi daripada keluarga asas iaitu blok utama dan apabila jumlah isi keluarga berkembang, wujudlah bangunan yang baru iaitu rangkaian blok lain.

Pengunjung juga boleh menikmati dua keadaan yang berbeza. Ketika di dalam bangunan, pengunjung dapat

menikmati suasana agak 'mekanikal' manakala di jambatan penghubung, pengunjung menikmati suasana luaran yang begitu 'natural' dan nyaman.

Ketiga, bangunan ini juga dibina menghadap sungai dalam paksi timur barat. Konsep ini dilaksanakan berasaskan pengangkutan tradisi yang menggunakan jalan air (sungai).

Untuk menambahkan lagi ciri tradisionalnya, lagun buatan dibina sebagai kolam bayan-

gan 'fantasy pool' berhampiran tebing sungai.

Kewujudan kolam bayangan ini akan dapat mengurangkan konsep ukuran bangunan (building scale) kepada konsep yang lebih berteraskan ukuran kemanusiaan (human scale). Unik bukan?

Selain keunikan itu, menerusi empat blok bangunan, pengunjung berpeluang menjelajah di setiap sudut di bahagian galeri yang terdapat di situ antaranya Galeri Tekstil, Galeri Diraja,

Galeri Islam, Galeri Sejarah, Ilmu Kejadian, Perikanan dan Taman Laut, Pelayaran dan Perdagangan dan Galeri Petroleum.

Muzium itu juga turut menempatkan muzium Maritim, muzium perikanan, lima rumah tradisional dan taman botani serta taman ulam.

Jika berkunjung ke Terengganu, singgahlah ke Muzium Negeri Terengganu yang sememangnya sentiasa menanti kedatangan pengunjung ke sana.



LAGUN...lagun buatan yang dibina menambahkan ciri tradisional.

TENANG...jambatan penghubung memberi peluang menikmati suasana luaran muzium yang cukup menyenangkan.

